



22 DEC, 2024

16 usahawan IAT terima RN278.358

Sinar Harian, Malaysia

16 usahawan IAT terima RM278,358

Bantu tingkat nilai produk pertanian, perkasa perniagaan agromakanan

Oleh MOHD AZLIM ZAINURY SHAH ALAM

Seramai 16 usahawan Industri Asas Tani (IAT) menerima bantuan insentif pertanian bernilai RM278,358 sempena Konvensyen Agro Selangor 2024 yang berakhir pada Jumaat.

Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Selangor dalam kenyataannya berkata, Konvensyen Agro Selangor pada tahun ini julung kalinya diadakan melibatkan seramai 200 peserta.

Menurut FAMA, konven-

syen berkenaan diadakan bagi merangsang perkembangan industri asas tani untuk usahawan perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) di Selangor.

"Industri asas tani memainkan peranan yang amat penting dalam menjana ekonomi negara, khususnya bagi meningkatkan nilai tambah hasil produk pertanian dan memperkasakan jaringan perniagaan dalam sektor agromakanan.

"Konvensyen ini menghimpunkan seramai 200 usahawan PMKS bimbingan jabatan dan agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan khususnya di Selangor," ujarnya.

Majlis Perasmian Konvensyen Agro Selangor itu disempurnakan oleh Exco Infrastruktur dan Pertanian Selangor, Datuk Ir Izham Hashim di sebuah hotel di Seksyen 14 di sini.

Hadir sama, Ketua Pengarah FAMA, Abdul Rashid Bahri.



Izham (tengah) bersama 16 usahawan IAT yang menerima bantuan pada Majlis Perasmian Konvensyen Agro Selangor 2024 di Shah Alam pada jumaat.

FAMA Selangor berkata, konvensyen kali ini juga dapat memberikan pendedahan kepada usahawan mengenai keperluan pemasaran dalam meningkatkan daya saing.

Selain itu katanya, ia turut mewujudkan peluang kepada usahawan untuk berinteraksi, bertukar idea dan membina rangkaian dengan rakan niaga serta pakar industri.

"Ia juga menyediakan maklumat pembiayaan dan bantuan kerajaan bagi meningkatkan

kualiti produk agromakanan, seterusnya menyediakan peluang pasaran antarabangsa untuk produk usahawan kategori tier satu dan dua.

"Ia meliputi kategori produk seperti sos dan lepa, sejuk beku, snek serta makanan tradisional termasuk produk jus, kordial, kek serta bakeri dan herba," tambahnya.

Jelasnya, impak pelaksanaan Konvensyen Agro Selangor 2024 itu dapat membuka peluang besar kepada

usahawan industri asas tani di Selangor.

"Dengan adanya perkongsian ilmu, inovasi dan jaringan perniagaan, konvensyen ini dapat memperkukuhkan ekonomi Selangor serta memperbaiki kualiti usahawan dalam sektor agromakanan.

"Melalui konvensyen ini juga usahawan industri asas tani akan terus berkembang dan menjadi penyumbang utama kepada pertumbuhan ekonomi negara," ujarnya.



22 DEC, 2024

16 usahawan IAT terima RN278.358

Sinar Harian, Malaysia

SUMMARIES

Bantu tingkat nilai produk pertanian, perkasa perniagaan agromakanan

Seramai 16 usahawan Industri Asas Tani (IAT) menerima bantuan insentif pertanian bernilai RM278,358 sempena Konvensyen Agro Selangor 2024 yang berakhir pada Jumaat. Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Selangor dalam kenyataannya berkata, Konvensyen Agro Selangor pada tahun ini julung kalinya diadakan melibatkan seramai 200 peserta. Menurut FAMA, konvensyen

berkenaan diadakan bagi merangsang perkembangan industri asas tani untuk usahawan perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) di Selangor.